

Editorial Notes

Cite this editorial: AH, Borham (2024). Editorial. *Al-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), iii-vi.

Jurnal Al-MAKRIFAH, vol. 2, Issue 2 mengandungi artikel-artikel yang memfokuskan kepada bidang pendidikan Islam, pendidikan tahlif dan qiraat, bidang syariah, al-Quran, dakwah dan pemikiran Islam. Artikel pertama Isu 2 ini ialah ‘Development Of Usul Fiqh Teaching Module For KSSM Islamic Shariah Subject.’ Artikel membincangkan tentang konsep dalam membangunkan modul pengajaran Usul Fiqh Pendidikan Syariah Islamiah untuk pelajar tingkatan empat. Modul ini dibina berdasarkan manhaj Imam Syafie. Proses mereka bentuk modul mengikut garis panduan dan prinsip reka bentuk pengajaran yang digariskan dalam Manhaj Imam Syafie untuk memastikan pendekatan berpusatkan pelajar yang berkesan. Analisis keperluan penyelidikan melibatkan mengenal pasti keperluan guru dari segi kandungan, kaedah pengajaran, dan hasil pembelajaran. Kajian menyeluruh terhadap kurikulum KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) Pendidikan Syariah Islamiah di empat peringkat tertumpu khusus kepada Usul Fiqh.

Seterusnya, artikel kedua menganalisis tentang ‘Analisis Kesalahan Sebutan Huruf-Huruf Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Dewasa di Pusat-Pusat Pengajian Al-Quran Zon Utara Semenanjung Malaysia.’ Artikel ini memfokuskan isu kelemahan dalam melafazkan huruf-huruf al-Quran secara sempurna dan tepat dilihat masih berlaku dalam kalangan pelajar dewasa di pusat-pusat pengajian al-Quran walaupun telah melalui bimbingan bacaan al-Quran untuk satu tempoh masa yang tertentu. Kajian dilaksanakan di pusat pengajian al-Quran dewasa di PPQM Quranic Centre, Tartil Centre dan Al-Jazari Centre. Hasil kajian mendapati 20 huruf yang disebut secara tidak tepat oleh responden iaitu huruf *Zai* (75.7 peratus) dan huruf *Dhad* (72.8 peratus). Huruf terendah adalah huruf *Ta* (7.1 peratus) dan huruf *Shin* (8.5 peratus). Kajian ini mendapati 14 huruf (70 peratus) dalam kesalahan sebutan huruf-huruf al-Quran dan ketidaksempurnaan sifat huruf, 11 huruf (55 peratus) kecenderungan *lahjah* bukan kearaban dan 9 huruf (45 peratus) ketidaktepatan *makhraj* huruf. Implikasi kajian menunjukkan keperluan kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan kualiti sebutan huruf-huruf al-Quran secara lebih bersasar dalam kalangan orang dewasa di Malaysia.

Artikel ketiga dalam Isu 2 ini membincangkan tentang ‘Penggunaan Ilmu Qira’at dalam Ayat Hukum berdasarkan Tafsir Al-Quran di Nusantara.’ Artikel ini memfokuskan pentafsiran ayat al-Quran oleh ulama Nusantara mempunyai pelbagai pendekatan dalam menghuraikan sesebuah ayat al-Quran termasuklah ilmu Qiraat. Kebanyakan karya tafsir yang ada di Nusantara menghuraikan maksud dari ayat al-Quran dan perkara-perkara lain yang berkaitan tanpa menghuraikan khilaf Qiraat yang wujud pada ayat tersebut. Kajian ini memfokuskan penggunaan ilmu Qiraat dalam tafsir al-Quran di Nusantara iaitu *Turjuman al-Mustafid*, *Tafsir Nur al-Ihsan* dan *Marah Labid* yang merupakan hasil karangan ulama Nusantara. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ayat-ayat hukum di dalam al-Quran yang mengandungi khilaf Qiraat yang dikemukakan oleh mereka dengan metode yang tersendiri. Kajian mendapati sebanyak 99 tempat di dalam tafsir ini yang membincangkan mengenai ilmu Qiraat samada dari aspek akidah, akhlak dan fiqh yang merangkumi soal ibadah, munakahat, muamalat, jinayah dan jihad. Pecahan dari jumlah tersebut adalah 29 tempat di dalam *Turjuman al-Mustafid* yang mewakili sebanyak 29 peratus, manakala sebanyak 8 tempat di dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* yang mewakili sebanyak 8 peratus sementara sebanyak 62 tempat di dalam *Marah Labid* yang mewakili sebanyak 63 peratus. Ini

menunjukkan ulama di Nusantara telah menghuraikan ayat-ayat al-Quran di dalam karya mereka dengan kaedah yang tersendiri termasuk penggunaan ilmu Qira'at.

Artikel keempat pula membincangkan tentang ‘Pembinaan dan Pengesahan Soal Selidik Pembudayaan Inovasi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah TS25.’ Artikel ini bertujuan untuk membangunkan dan mengesahkan soal selidik Pembudayaan Inovasi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) berdasarkan analisis faktor. Berdasarkan penerokaan kajian lepas, konstruk dan item yang dikenal pasti menyumbang kepada Pembudayaan Inovasi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah TS25 berjaya dibangunkan. Soal selidik telah disahkan melalui kesahan muka dan kesahan kandungan instrumen yang melibatkan 9 orang pakar, manakala kesahan konstruk dan kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* serta faktor analisis instrumen telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS) Versi 26.0*. Seramai 120 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah TS25 terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapat keputusan ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan *Bartlett* terhadap semua angkubah adalah signifikan dengan nilai $KMO=0.911$ ($p = 0.000$), yang menunjukkan nilai 0.90 ke atas adalah amat baik. Keputusan ini menunjukkan bahawa semua angkubah mempunyai nilai faktorabiliti yang mencukupi dan analisis faktor boleh diteruskan. Muatan faktor bagi setiap item berada pada pada julat 0.712 hingga 0.949, manakala keputusan analisis *Alpha Cronbach* adalah 0.91. Keputusan kesahan dan kebolehpercayaan yang baik mengesahkan soal selidik ini sesuai diaplikasikan dalam kajian sebenar.

Seterusnya, artikel kelima dalam Isu 2 ini membincangkan tentang ‘Pelaksanaan Wakaf Golongan Bukan Islam Menurut Perspektif Sarjana Islam Era Pemerintahan ‘Uthmaniyyah.’ Amalan wakaf merupakan amalan Islam yang bertujuan memberikan kebajikan kepada masyarakat. Ia sentiasa dipelopori oleh umat Islam di setiap wilayah pemerintahan Islam sedangkan para pewakaf tidak disyaratkan mesti beragama Islam. Walau bagaimanapun, jumlah wakaf yang dilakukan oleh orang bukan Islam ketika pemerintahan ‘Uthmaniyyah amat signifikan sama ada kepada kelompok agama mereka atau diberikan kepada manfaat umum. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dalam mengumpulkan data daripada pelbagai sumber yang berautoriti dan dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Kajian ini mendapat bahawa amalan wakaf orang bukan Islam di dalam pemerintahan ‘Uthmaniyyah telah dilaksanakan dan direkodkan seperti mana wakaf yang dilakukan umat Islam. Golongan bukan Islam turut berwakaf bagi tujuan keagamaan mereka dan juga kebajikan umum namun, terdapat pelbagai isu yang melibatkan tanah wakaf yang dibina rumah ibadat bukan Islam. Kesimpulannya, pendedahan berkaitan konsep dan pelaksanaan wakaf bukan Islam ini dilihat penting dalam memberi input dan pengetahuan kepada masyarakat umum bahkan, ia membantu pihak pengurusan wakaf dalam meneliti keadaan sekiranya golongan bukan Islam ingin melaksanakan amalan wakaf mereka.

Dalam artikel keenam pula membincangkan tentang ‘Sumbangan Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) dalam Memperkasa Program Dakwah Mualaf di Pedalaman Sarawak.’ Artikel ini memfokuskan kepada peranan organisasi dakwah di Sarawak. Salah satu badan dakwah yang aktif dan bersifat aktivis di Sarawak adalah Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) yang membantu mengurus dan mengendalikan program-program dakwah mualaf di kawasan pedalaman. Penubuhan HIKMAH telah menjadi pemangkin ke arah usaha dakwah di pedalaman melalui program dakwah bercorak pendidikan, kebajikan dan kemasyarakatan. Kajian ini bertujuan untuk menelusuri perkembangan pertubuhan terbabit dan sumbangannya dalam memperkasa program-program bimbingan dan kemasyarakatan di Sarawak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu analisis dokumen, jurnal, laporan aktiviti.

Hasil kajian mendapati Pertubuhan Harakah Islamiah (HIKMAH) komited merangka strategi dalam menjalankan program-program yang sesuai dengan demografi, etnisiti dan sentimen beragama di Sarawak. Program-program yang dilaksanakan mengambil kira penerimaan masyarakat dari berbilang kaum dan tidak menimbulkan sebarang bentuk provokasi berbaur perkauman dan keagamaan. Usaha ini bagi memastikan Sarawak terus dikenali sebagai wilayah yang menyantung konsep toleransi beragama di Malaysia.

Seterusnya, artikel ketujuh Isu 2 ini membincangkan tentang ‘Dakwaan unsur Misogoni dalam Hadith oleh Fatima Mernissi: Analisis berdasarkan buku *‘The Veil and The Male Elite.’* Artikel ini menjelaskan pengutusan Nabi SAW adalah bertujuan untuk menghapuskan budaya mendiskriminasikan golongan wanita dalam masyarakat Arab jahiliah seterusnya mengangkat kedudukan mereka. Namun menurut Fatima Mernissi, hadith-hadith Nabi SAW merendahkan kedudukan wanita kerana mendakwa terdapat unsur misogoni dalam banyak riwayat hadith khususnya berkenaan penyebutan hadith tentang wanita, keldai dan anjing seterusnya menolak hadith tersebut kerana telah dimanipulasikan oleh perawi-perawi di peringkat sahabat. Dakwaan ini secara tidak langsung menuduh Nabi SAW merendahkan golongan wanita dan menolak konsep ‘*adalah* sahabat Nabi SAW. Oleh itu, kajian ini akan merungkaikan dakwaan tersebut berdasarkan riwayat dalam *Sahih al-Bukhari* khusus berkaitan penyebutan wanita, keldai dan anjing dan menjelaskan *fiqh al-hadith* keseluruhannya menurut *muhaddithin* serta menghuraikan konsep ‘*adalah* sahabat menurut Ahli Sunnah wal Jamaah dan kedudukannya di sisi Islam. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data berdasarkan kaedah dokumentasi iaitu menggunakan kaedah perpustakaan dan mengaplikasikan metode analisis kandungan untuk menganalisis data yang telah dikumpulkan. Hasil analisis menunjukkan, terdapat lima riwayat yang mana satu daripadanya adalah riwayat Abu Juhayfah r.a dan empat riwayat Aishah r.ah Penyebutan wanita, anjing dan keldai dalam riwayat berkaitan bukan merujuk kepada perkara yang membatalkan solat namun perkara-perkara yang mengurangkan konsentrasi solat. Penyebutan wanita merujuk kepada wanita ajnabi dan pengecualian bagi isteri tidak membatalkan solat si suami adapun anjing merujuk kepada syaitan. Nabi SAW tidak sesekali menyamakan wanita dengan binatang sebagaimana dakwaan Fatima Mernissi namun kerana tafsiran literal menyebabkan tafsiran tersesat. Saranan kajian ini agar hadith-hadith Nabi SAW ditafsirkan secara kontekstual dan tidak difahami secara literal manakala buku-buku tulisan tokoh feminism perlu diteliti dengan cermat khusus melibatkan dakwaan terhadap riwayat-riwayat hadith berkaitan wanita.

Artikel kelapan dalam Isu 2 ialah ‘Gerakan Pembaharuan Islam: Analisis Terhadap Islamic Renaissance Front (IRF).’ Artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan Islamic Renaissance Front (IRF) dalam gerakan pembaharuan Islam melalui pendekatan analisis kritikal. IRF adalah sebuah organisasi pemikir dan pendidikan yang berpusat di Malaysia. Tujuan asal penubuhan adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang Islam dengan lebih terbuka, progresif, dan sesuai dengan konteks, serta menentang pemikiran sempit dan ekstremisme yang semakin berkembang dalam kalangan masyarakat Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan IRF mempengaruhi pemikiran pembaharuan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Metodologi kajian ini melibatkan tinjauan literatur terhadap sumber-sumber sekunder yang berkaitan dengan IRF, analisis dokumen, dan penelitian terhadap kenyataan awam dan aktiviti gerakan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa IRF memainkan peranan penting dalam merangsang pemikiran pembaharuan dalam masyarakat Islam, namun terdapat kritikan terhadap pendekatan dan metodologi gerakan ini. Dalam masa yang sama, IRF dilihat kurang mewakili pelbagai suara dalam masyarakat Islam dan kurang dalam menangani isu-isu sosioekonomi menjadi perhatian utama. Walaupun IRF telah mencapai beberapa kejayaan, analisis ini menekankan tentang keperluan untuk terus menilai

peranannya dalam usaha untuk mencapai matlamat pembaharuan Islam yang lebih inklusif dan berkesan serta bertepatan syariah Islam. IRF merupakan subjek yang menarik untuk kajian lanjut dalam konteks gerakan pembaharuan Islam, dan kritikan serta refleksi terhadap peranannya penting bagi memahami landskap Islam kontemporari.

Manakala artikel terakhir adalah ulasan buku bertajuk ‘Konotasi Angka Dalam Al-Quran’ yang ditulis oleh Mikdar Rusdi. Buku ini diterbitkan pada tahun 2014 oleh Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor. Buku ini membincangkan berkenaan angka-angka yang termaktub dalam al-Quran dengan tujuan menerangkan makna-makna disebalik ayat yang berjumlah 315 ayat yang mengandungi angka. Perbincangan angka dan ulasan maksud mengenai ayat-ayat tersebut melalui pendekatan penafsiran al-Quran secara tematik. Kemudian, ayat-ayat ini akan diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu angka yang berkonotasi dengan Allah, manusia dan alam sekitar. Ia dilihat menarik untuk dibaca kerana penulis percaya di sebalik lafaz angka dalam al-Quran ini terdapat nilai-nilai mukjizat yang dapat diperhatikan.

Semoga artikel-artikel yang telah diterbitkan dalam Jurnal al-Makrifah Isu 2 ini, dapat memberikan manfaat kepada semua lapisan peringkat pembaca. Terima kasih.

Abd Hadi bin Borham

Chief Editor

Al-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture